

# Eksport Labuan, Kedah, Negeri Sembilan naik

Sebahagian besar negeri mencatatkan penurunan nilai eksport pada Ogos 2023, kecuali Labuan yang merekodkan peningkatan sebanyak RM719.1 juta, Kedah (RM431.3 juta) dan Negeri Sembilan (RM246.8 juta), demikian menurut Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM).

Ketua Perangkawan Malaysia, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin, berkata prestasi eksport Malaysia pada Ogos 2023 bernilai RM115.2 bilion, merosot 18.6 peratus atau RM26.4 bilion berbanding bulan sama tahun sebelumnya.

Beliau berkata, penurunan eksport dipengaruhi eksport yang lebih rendah di kebanyakan negeri iaitu Pulau Pinang (-RM9.1 bilion), Johor (-RM7.9 bilion), Selangor (-RM3.6 bilion), Sarawak (-RM2.7 bilion), Kuala Lumpur (-RM2.5 bilion), Melaka (-RM607.1 juta), Sabah (-RM484.8 juta), Kelantan (-RM253.5 juta), Terengganu (-RM191.6 juta), Perak (-RM124.7 juta), Pahang (-RM86 juta) dan Perlis (-RM26 juta).

"Pulau Pinang kekal pengeksport utama dengan sumbangan 28.8 peratus, diikuti Johor (22.1 peratus), Selangor (18.4 peratus),



Nilai eksport Labuan meningkat sebanyak RM719.1 juta pada Ogos 2023. (Foto BERNAMA)

Sarawak (7.9 peratus) dan Kedah (4.2 peratus)," katanya dalam keadaan Statistik Eksport Import Mengikut Negeri Ogos 2023 diterbitkan DOSM, semalam.

## Prestasi import merosot

Beralih kepada import mengikut negeri, Mohd Uzir berkata prestasi pada Ogos 2023 turut merosot RM26.4 bilion atau 21.2 peratus berbanding bulan sama pada 2022.

Katanya, penurunan disebab-

kan import yang lebih rendah di kebanyakan negeri iaitu Johor (-RM12.2 bilion), Pulau Pinang (-RM6.2 bilion), Selangor (-RM4.2 bilion), Negeri Sembilan (-RM1.2 bilion), Kuala Lumpur (-RM721.2 juta), Pahang (-RM402.3 juta), Kedah (-RM348 juta), Labuan (-RM347.1 juta), Sabah (-RM257.0 juta), Melaka (-RM237.1 juta), Perak (-RM190 juta), Sarawak (-RM63.7 juta), Perlis (-RM15.8 juta) dan Kelantan (-RM6.1 juta).

Bagaimanapun, katanya nilai

import meningkat di Terengganu sebanyak RM188.1 juta.

"Selangor terus mendominasi import Malaysia dengan 27.7 peratus, diikuti oleh Johor (21.1 peratus), Pulau Pinang (21.1 peratus), Kuala Lumpur (7.1 peratus) dan Kedah (5.9 peratus).

Secara keseluruhan, Malaysia mencatatkan jumlah perdagangan bernilai RM213 bilion pada Ogos 2023 dengan nilai eksport RM115.2 bilion dan import bernilai RM97.9 bilion.